

Hubungan antara personaliti dengan tahap penagihan dadah dalam kalangan remaja dan belia di Cure and Care Rehabilitation Center

ABSTRAK

Penyalahgunaan bahan merupakan salah satu isu kesihatan awam yang perlu diberi perhatian secara signifikan kerana dikaitkan dengan pelbagai masalah tingkah laku dan kesihatan mental. Oleh yang demikian kajian ini bertujuan untuk mendalami bagaimana faktor personaliti memberi kesan kepada tahap penagihan dadah. Seramai 150 belia dan remaja berumur 16 hingga 39 tahun telah dipilih menjadi responden kajian di Cure and Care Rehabilitation Center (CCRC) Papar, Sabah. Instrumen kajian yang digunakan adalah daripada soal selidik Eysenck Personality Questionnaire (EPQ-R) (1991) untuk mengukur personaliti manakala soal selidik Drug Abuse Screening Test (DAST-10) (1982) bagi mengukur tahap penagihan dadah. Pekali korelasi Pearson digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Hasil analisis korelasi menunjukkan hubungan antara personaliti Psikotism dan tahap penagihan dadah merupakan satu hubungan positif yang sederhana dan signifikan. Manakala hubungan antara personaliti Ekstroversion dengan tahap penagihan dadah merupakan satu hubungan negatif yang sederhana tetapi signifikan. Seterusnya, hubungan antara personaliti Neurotism dan tahap penagihan dadah merupakan satu hubungan positif yang kuat dan signifikan. Kesimpulannya, personaliti mempunyai hubungan signifikan dengan tahap penagihan dadah. Hal ini sangat penting dalam membantu diagnosis, rawatan dan pencegahan.